



**PENUH CERIA:** Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah memotong kek sambil diperhatikan Najib pada Majlis Rumah Terbuka Malaysia Krismas 2006 di Dewan Tun Razak 1, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, semalam.

# Golongan sasaran dapat bantuan banjir: Najib

Tidak perlu mekanisme baru agih bekalan kawasan bencana

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim dan Sazarina Shahrin

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata kerajaan tidak perlu mewujudkan mekanisme baru untuk mengagihkan bantuan kepada mangsa banjir kerana mekanisme sedia ada memadai memastikan bantuan sampai kepada golongan sasaran.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mangsa tidak sepatutnya tidak menerima bantuan, jika jentera pualiran bantuan pada peringkat pusat, negeri dan daerah dimanfaatkan dengan cekap.

"Saya percaya kalau kita gunakan saluran sedia ada, tidak ada sebab mengapa (bantuan) tidak sampai kepada kumpulan sasaran."

"Saya melawat di beberapa tempat di Johor, saya lihat ada pegawai daerah dan di setiap pusat penempatan banjir ada ketua.

"Jadi kalau kita gunakan saluran yang sedia ada, bantuan pasti sampai kepada golongan sasaran," katanya ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka Malaysia Krismas 2006 di Dewan Tun Razak 1, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah berangkat melancarkan majlis itu yang dihadiri kira-kira 10,000 rakyat

pelbagai kaum.

Timbalan Perdana Menteri ditanya bagaimana kerajaan mahu memastikan bekalan bantuan termasuk yang dihulurkan orang ramai, sampai kepada golongan sasaran.

Najib yang turut ditanya mengenai sistem amaran awal banjir berkata, sistem sedia ada berkesan tetapi peningkatan paras air yang bersifat luar biasa serta di luar jangkaan, menyebabkan keadaan pada mulanya agak kecoh.

"Bayangkan di Johor, di sesetengah tempat, hujan yang turun dalam masa 24 jam itu sama seperti hujan dalam tempoh dua bulan, hujan begitu lebat sekali dan luar biasa."

"Rumah pula, air bila masuk sam-

**“ Saya percaya kalau kita gunakan saluran sedia ada, tidak ada sebab mengapa bantuan tidak sampai kepada kumpulan sasaran ”**

pai paras pinggang dalam masa dua tiga jam saja, jadi sesuatu yang cukup luar biasa, sebab itulah pada masa sehari dua, agak kecoh sikit, tidak menentu tetapi sekarang sudah lebih tenteram," katanya.

Semalam, kerajaan menafikan dakwaan kononya pihak berkuasa gagal memberi amaran awal mengenai banjir di beberapa negeri, terutama Johor yang mengorbankan lapan nyawa setakat ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPMM), Datuk Seri Nazri Aziz dilaporkan berkata pihak berkuasa seperti Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca dan Bahagian Keselamatan Negara (BKN) sudah mengeluarkan amaran awal kemungkinan banjir di negeri berkenaan pada 13 Disember lalu.

Dalam perkembangan berkaitan, Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara berkata, pemberian bantuan wang tunai RM100 dan RM200 kepada pelajar sekolah yang menjadi mangsa banjir memang mahu disegerakan tetapi bergantung kepada urusan mendaftarkan pelajar yang layak menerimanya.

"Kita cuba sampaikan sebelum sekolah dibuka. Kalau tidak dapat pun mungkin pada hari pertama atau kedua (sekolah)."

"Kita sedang berusaha sekarang sebab ini bergantung kepada mereka yang mendaftarkan nama murid sekolah

di pusat pendaftaran atau pusat penempatan banjir," katanya.

Beliau semalam dilaporkan berka-ta bantuan itu akan disalurkan kepada 33,000 pelajar sekolah yang terjejas akibat banjir di Johor untuk membeli pakaian dan peralatan perkolahan.

Mengenai pemantauan tsunami terutama di Sabah dan Sarawak berikutan gempa bumi berukuran 6.7 pada skala Richter berlaku di barat daya Taiwan malam kelmarin, Najib berkata, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca sedang memantau perkembangan berkenaan.

"Kita pernah terima kemungkinan berlaku tsunami sebelum ini (tetapi bila kita pantau, kita dapat menyimpulkan bahawa tsunami itu tidak akan berlaku, tidak akan melanda kita, jadi kaedah sama kita gunakan kali ini," katanya).

Kenyataan Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca berkata gempa di Taiwan itu berlaku kira-kira 802 kilometer di utara Manila dan 1,706 kilometer di timur laut Kudat dengan kemungkinan boleh berlaku tsunami berhampiran pusat gempa.

Jurucajak jabatan itu mengesahkan satu amaran tsunami dikeluarkan kepada penduduk di Sabah dan Sarawak. Penduduk di kedua-dua negeri itu dinasihatkan tidak menghampiri kawasan pantai sehingga amaran ditarik balik.